

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Puisi Tradisional – Pantun Kasih Sayang

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|---|
| 1 Buah mengkudu kusangka kandis ,
Kandis terletak dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyuman tuan. | 4 Jalan-jalan sepanjang jalan,
Singgah-menyinggah di pagar orang;
Pura-pura mencari ayam,
Ekor mata di anak orang. |
| 2 Asap api di Tanjung Tuan,
Kuala Linggi bakaunya rendah;
Harap hati kepada tuan,
Langit tinggi kupandang rendah. | 5 Bila masa dipanggil maut,
Cinta tidak berharga lagi;
Asam di darat ikan di laut,
Sampai masa berjumpa lagi. |
| 3 Anak udang meniti batang,
Berasa dahan terlampai;
Melihat bulan dipagar bintang,
Bagaikan rasa hendak dicapai. | (Dipetik daripada antologi <i>Baik Budi, Indah Bahasa</i> , Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia) |



Nota SMART

Nada

- Perasaan penyair ketika mengucapkan puisi. Nada akan mempengaruhi intonasi suara.
- Terdapat lima jenis nada, iaitu:
 - (a) *Nada melankolik* menggambarkan emosi sedih dan sayu.
 - (b) *Nada romantik* menggambarkan emosi tenang dan gembira.
 - (c) *Nada patriotik* menggambarkan perasaan mencintai tanah air.
 - (d) *Nada sinis* menggambarkan emosi tidak puas hati.
 - (e) *Nada protes* menggambarkan emosi memberontak.

Entri Kata

- **kandis** – sejenis asam
- **di pagar** – di tepi pagar
- **ekor mata** – menjeling

1. Apakah maksud baris keempat dalam rangkap keempat pantun di atas?

- A Berusaha untuk mendapatkan gadis idaman
- B Malu untuk memandang seseorang yang dikasihi
- C Pasti akan berjumpa dengan seseorang yang disayangi
- D Gadis yang diminati amat cantik rupa parasnya

2.

bulan dipagar bintang

Apakah gaya bahasa baris di atas?

- A Sinkope
- B Simile
- C Peribahasa
- D Responsi

3. Apakah nilai murni yang terdapat dalam rangkap kedua pantun tersebut?

- A Nilai kasih sayang
- B Nilai kebijaksanaan
- C Nilai kepercayaan
- D Nilai ketabahan

4. Pernyataan yang berikut ialah pengajaran bagi pantun di atas, **kecuali**

- A kita hendaklah sering berwaspada.
- B kita hendaklah sentiasa berbuat baik.
- C kita hendaklah sentiasa tersenyum.
- D kita hendaklah mengurangkan gula.

Praktis PT3 Drama – Mahkamah

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PENDAKWA RAYA: Bulat bin Leper, adakah pada 10 Januari 1988, antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi, kamu berada di Taman Gagak Putih?

TERTUDUH I: Ya, benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan pada waktu yang tersebut itu, kamu telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya?

TERTUDUH I: Ya, benar sekali, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan dalam waktu yang tersebut itu, seorang nenek yang sedang berjoging telah terpijak kulit pisang yang kamu buang lalu **tergelincir** dan jatuh. Kejadian itu menyebabkan pinggangnya patah dan dia mati dalam perjalanan ke hospital.

Adakah kamu mengaku bahawa kenyataan ini benar?

TERTUDUH I: Kenyataan itu tidak benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Saya ulang. Adakah kamu makan pisang pada waktu tersebut?

TERTUDUH I: Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA : Dan kulit pisang itu, kamu yang buang, bukan?

TERTUDUH I: Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan nenek itu mati akibat terpijak kulit pisang yang kamu buang, bukan?

TERTUDUH I: Tidak benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Awak tidak mahu **mengaku**?

TERTUDUH I: Tidak mengaku, tuan.

PENDAKWA RAYA: Benar-benar tidak mahu mengaku?

TERTUDUH I: Saya tidak mahu mengaku, tuan. Saya tidak bersalah.

PENDAKWA RAYA: Awak mesti mengaku. Bukti dan fakta sudah cukup untuk **mensabitkan** kesalahan awak.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Drama

- Karya yang dicipta berdasarkan pengalaman atau imaginasi penulis.
- Skrip drama terdiri daripada dialog-dialog yang diselang-seli dengan arahan aksi watak.
- Setiap drama mempunyai babak dan adegan-adegan yang disusun secara teratur.
- Drama dilakonkan di atas pentas, radio, televisyen, dan sebagainya.

Entri Kata

- **tergelincir** – terjatuh
- **tertuduh** – pihak yang didakwa bersalah
- **mengaku** – mengatakan benar
- **mensabitkan** – mengaitkan

1. Apakah tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh?
 - A Membuang kulit pisang ke jalan raya
 - B Membiarkan beruk peliharaannya menyelongkar tong sampah
 - C Membunuh seorang nenek tua yang sedang berjoging
 - D Membiarkan seorang nenek tua mati diserang oleh seekor beruk
2. Berdasarkan petikan drama di atas, apakah sikap yang digambarkan oleh Bulat bin Leper?
 - A Rajin
 - B Jujur
 - C Baik hati
 - D Amanah
3. Antara yang berikut benar tentang petikan, kecuali
 - A Bulat bin Leper tidak mengaku salah walaupun dipaksa oleh pendakwaraya untuk mengaku salah.
 - B Tertuduh 1 mengaku bahawa dialah yang memakan pisang dan membuang kulitnya.
 - C tempat kes pertuduhan terhadap Bulat bin Leper dibacakan di mahkamah.
 - D seorang warga emas terpijak kulit pisang yang dibuang oleh Tertuduh 1 lalu terjatuh dan mati di tempat kejadian.